

# Pengetahuan dengan Kesediaan Pelajar Program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan di Universiti Utara Malaysia

## *Knowledge with Education Students' Readiness On Entrepreneurship Courses at Universiti Utara Malaysia*

Norazlinda Saad<sup>1</sup>, Surendran Sankaran<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

### Article progress

Accepted: 24 February 2021

Reviewed: 2 March 2021

Published: 1 June 2021

\*Corresponding author:

Norazlinda Saad  
Pusat Pengajian Pendidikan,  
Universiti Utara Malaysia,  
Sintok, Kedah;  
Email: [azlinda@uum.edu.my](mailto:azlinda@uum.edu.my)

**Abstrak:** Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 dan Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu IPT (EIE) merupakan satu naratif baharu kepada program pembangunan keusahawanan di IPT. Kerangka strategi yang dibangunkan memberi fokus kepada pembentukan ekosistem keusahawanan yang bersinergi antara keusahawanan, akademik, industri, kerajaan dan komuniti dalam landskap sistem pendidikan tinggi negara. Justeru, amat penting kepada para pelajar di IPT didedahkan kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai tambah dalam bidang keusahawanan dan anjakan minda daripada *job seeker* kepada *job creator*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara Pengetahuan Keusahawanan dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan. Pendekatan kajian kuantitatif dalam kajian ini adalah berbentuk korelasi. Populasi kajian ini adalah 148 orang pelajar Sarjana Muda Pendidikan di Universiti Utara Malaysia. Teknik persampelan bertujuan digunakan untuk memilih sampel kajian. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi dari kajian-kajian lepas. Instrumen Pengetahuan Keusahawanan mempunyai nilai pekali Cronbach alpha 0.89 dan instrumen Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan mempunyai nilai pekali Cronbach alpha 0.91. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif, ujian-t sampel bebas dan korelasi. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan Kesediaan Pelajar Program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Pengetahuan Keusahawanan dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan. Dapatkan kajian ini menjelaskan bahawa pihak universiti perlu mengadakan pelbagai aktiviti keusahawanan supaya dapat meningkatkan Kesediaan Pelajar terhadap Kursus Keusahawanan.

**Kata kunci:** Kesediaan pelajar, keusahawanan, pengetahuan, Sarjana Muda Pendidikan, universiti

**Abstract:** The Higher Education Institution (HEI) Entrepreneurship Action Plan 2021-2025 will focus on forming a synergistic and holistic entrepreneurial ecosystem, create high impact entrepreneurship involving various strategic parties and emphasize on innovation and technology-based entrepreneurship. Therefore, it is very important to ensure that students can be exposed to knowledge, skills and added values in the field of entrepreneurship and a shift of mind from being job seekers to job creators. This study aims to identify the relationship between Entrepreneurial Knowledge and Education Student Readiness towards Entrepreneurship Courses. The quantitative research approach in this study is using correlational study. The population of this study is 148 Bachelor of Education students at Universiti Utara Malaysia. Purposive

*Sampling technique is used to select sample of the study. This study uses a questionnaire adapted from previous studies. The Entrepreneurship Knowledge Instrument has a Cronbach alpha coefficient value of 0.89 and the Education Student Readiness towards Entrepreneurship Courses has a Cronbach alpha coefficient value of 0.91. The data collected were analyzed using descriptive statistics, independent sample t-tests and correlations. The findings of the study show that there is a significant difference in Education Student Readiness towards Entrepreneurship Courses between male and female students. The findings of the study also show that there is a significant relationship between Entrepreneurial Knowledge and Education Student Readiness towards Entrepreneurship Courses. The findings of this study explain that the university needs to hold various entrepreneurship activities to increase the Student Readiness towards Entrepreneurship Courses.*

**Keywords:** *Student readiness, entrepreneurship, knowledge, Bachelor of Education, university*

## Pengenalan

Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) pada 7 April 2015 telah menggariskan 10 lonjakan asas yang memfokuskan kepada aspirasi pihak berkepentingan dalam pendidikan tinggi dan pengukuhan ekosistem. Selaras dengan Lonjakan 1 dan 5 dalam PPPM (PT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membangunkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020. Ia dibangunkan bertujuan untuk memupuk minda keusahawanan ke dalam seluruh sistem pendidikan tinggi agar dapat melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pada tanggal 19 Februari 2021, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025 dan Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu IPT bagi melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan. Pelan ini bertujuan untuk mentransformasikan landskap keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) daripada keusahawanan berasaskan keperluan kepada peluang. Ini jelas menggambarkan bahawa peringkat pendidikan tinggi dan peranan serta penglibatan pengurusan di peringkat tinggi amat mengutamakan keberhasilan pelajar di IPT yang mempunyai minda keusahawanan.

Graduan yang dilahirkan di institusi pendidikan tinggi dibentuk dan dididik sebagai *job creator*. Mereka perlu bertindak lebih *entrepreneurial* terhadap sumber pendanaan pendidikan tinggi untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber kerajaan. Justeru, tujuan

utama seseorang pelajar mendapat pendidikan tinggi adalah untuk melayakkan mereka mendapat pekerjaan yang menjanjikan masa hadapan yang baik sama ada sebagai seorang pekerja atau usahawan.

IPT juga mampu melahirkan masyarakat perniagaan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan sekiranya strategi yang bersesuaian digunakan. Hal ini kerana IPT merupakan tempat permulaan bagi usahawan untuk mengajar pelajar mereka cara berfikir dan berkelakuan seperti seorang usahawan. IPT mempunyai peranan yang penting dalam mempromosikan keusahawanan sejak institusi pendidikan dianggap sebagai satu tempat yang ideal untuk membentuk budaya dan aspirasi keusahawanan dalam kalangan pelajar untuk mereka terus hidup dalam persekitaran perniagaan yang mantap hari ini (Yeng Keat, Ahmad, Bakar & Hashim, 2014).

## Penyataan Masalah Kajian

Pendidikan Keusahawanan amat penting untuk memberi pendedahan kepada bidang keusahawanan dan anjakan minda daripada *job seeker* kepada *job creator*. Laporan Pemantauan Keusahawanan Global (GEM, 2013) - 41.8% masyarakat Malaysia menganggap keusahawanan sebagai pilihan kerjaya yang baik. Menurut Perbadanan Produktiviti Malaysia (Malaysia Productivity Corporation (MPC), 2015), majoriti IPT telah menjadikan pembangunan dan pendidikan keusahawanan sebagai salah satu agenda utama dan petunjuk prestasi institusi masing-masing. Bidang keusahawanan dikatakan penting bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang mempunyai pengetahuan dan

kemahiran dalam menjalani perniagaan (Farhana, 2013).

Sejak tahun 2010, IPT yang menawarkan program Pendidikan telah diminta untuk mula bersedia menawarkan program secara pasaran terbuka (*open market*). Maka satu inisiatif untuk melaksanakan program yang dapat mempersiapkan siagakan pelajar program pendidikan perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar dapat pendedahan kepada ilmu, kemahiran dan nilai tambah dalam bidang keusahawanan. Penerapan minda keusahawanan dalam Sistem Pendidikan adalah penting untuk menghasilkan graduan menjadi usahawan (Iklima Husna, Marry, Ahmad Shakani & Sharon, 2020).

Pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) yang mengikuti program pengajian sarjana muda di Pusat Pengajian Pendidikan (SoE), UUM diwajibkan untuk mengambil satu kursus Teras Universiti iaitu Asas Keusahawanan. Manakala secara khusus, bermula tahun 2019 pelajar-pelajar ISMP (Pengurusan Perniagaan) perlu menambah dua lagi kursus baharu yang berkaitan dengan bidang keusahawanan iaitu *E-Commerce* dan Pengurusan Koperatif dan Keusahawanan. Manakala pelajar-pelajar ISMP Perakaunan, Teknologi Maklumat, Pendidikan Moral dan Bimbingan dan Kaunseling yang lain hanya didedahkan kepada satu kursus teras universiti sahaja.

Penambahan kursus-kursus ini adalah untuk mencapai misi, visi dan hasrat universiti supaya selari dengan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020. Selain itu, semakan kurikulum yang baharu dilaksanakan bermula tahun 2019 ini juga adalah untuk memenuhi kebolehpasaran graduan dan mengelakkan pengangguran. Hal ini ini adalah bertepatan dengan konsep *open market* yang telah mula dilaksanakan kepada program ISMP SoE UUM bermula pada sesi kemasukan Semester A121 Sesi 2012/2013. *Open market* adalah tiada jaminan untuk lantikan sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan (guru) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selepas tamat pengajian di mana graduan program Pendidikan tidak lagi diserapkan ke dalam sekolah-sekolah secara automatik seperti dahulu. Maka satu inisiatif untuk melaksanakan program yang dapat mempersiapkan siagakan pelajar program pendidikan perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar mendapat pendedahan tentang ilmu, kemahiran dan nilai tambah dalam bidang keusahawanan dan anjakan minda daripada pencari pekerjaan atau *job seeker* kepada pencipta pekerjaan atau *job creator*. Penerapan minda keusahawanan dalam sistem pendidikan adalah penting untuk menghasilkan graduan menjadi usahawan.

Data awal yang telah dikutip pada bulan Mac 2020 menunjukkan bahawa seramai 62 orang pelajar berminat

untuk melibatkan diri dalam program keusahawanan yang telah diperkenalkan oleh Pusat Pengajian Pendidikan (SoE) UUM. Program ini dibangunkan untuk membuka minda dan peluang kepada para pelajar yang terpilih untuk memasuki bidang keusahawanan sejak di universiti dan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka selepas tamat pengajian di universiti. Walau bagaimanapun, selepas 6 bulan program tersebut dijalankan didapati bilangan pelajar semakin menurun. Hanya sebanyak 20% yang masih bertahan untuk terus kekal dalam program tersebut. Atas kesedaran ini, maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan.

Kajian ini adalah sebahagian daripada kajian utama yang telah dijalankan sejak dari tahun 2019. Dalam kajian tersebut, terdapat beberapa variabel yang dikaji secara menyeluruh dan mendalam. Namun, artikel ini hanya tertumpu kepada Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan. Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi, PPPM Lonjakan 1, agenda universiti, Institusi Pembangunan Keusahawanan dan Koperasidan program-program yang telah dijalankan berserta dengan struktur program ISMP yang telah dibina semuanya selari demi memastikan universiti dapat melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan.

Tetapi persoalannya adakah pelajar-pelajar ISMP SoE UUM bersedia melibatkan diri dalam kursus keusahawanan yang dianjurkan sama ada oleh CEDI atau oleh SoE. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara Pengetahuan Keusahawanan dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan.

## Objektif Kajian

- i) Mengkaji perbezaan Kesediaan Pelajar Program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan berdasarkan jantina.
- ii) Mengenal pasti hubungan antara Pengetahuan Keusahawanan dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan.

## Sorotan Kajian Literatur

*Pembangunan Keusahawanan di Institusi Pengajaran Tinggi*

Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015 telah meningkatkan tahap penglibatan pelajar dalam program dan aktiviti keusahawanan IPT iaitu 20% pada 2011 kepada 50% pada tahun 2015. Pelbagai inisiatif di bawah Dasar dan Pelan Strategik Keusahawanan IPT telah memberikan impak yang positif terhadap kesediaan pelajar IPT untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Statistik KPT menunjukkan peningkatan jumlah lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebaik sahaja selepas menamatkan pengajian bagi tempoh 2013 sehingga 2015 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2013). Norasmah, Nor Hafiza, Poo dan Rahmah (2012) mendapat bahawa setiap IPT memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan siswazah yang berkebolehan yang bersedia ditempatkan di sektor pekerjaan dan isu-isu yang berkaitan dengan kebolehdapatan kerja siswazah sentiasa berkait rapat dengan kebolehpasaran dan kemahiran siswazah. Antara ciri-ciri keusahawanan yang perlu dibentuk melalui pendidikan keusahawanan adalah seperti keperluan untuk pencapaian, berkeyakinan, kepimpinan, kreatif, berinisiatif, mempunyai jaringan hubungan, berimajinasi dan pengambil risiko sederhana (Nor Aishah, 2006).

### *Pengetahuan Keusahawanan*

Pelajar yang mempunyai pengetahuan keusahawanan berupaya berfikir di tahap yang tinggi dan kompleks serta sabar mempelajari sesuatu, dan mempunyai keupayaan untuk menangani hal-hal yang kompleks dan kabur dengan berkesan (Armanurah, 2014). Kesediaan kemauan pembelajaran usahawan ini dipengaruhi oleh nilai utiliti pengetahuan yang dicari yang mendorong seseorang untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang dianggap berguna kepada diri dan perniagaan yang akan diceburi (Norashidah, Norasmah, & Noraishah, 2009).

### *Kesediaan Pelajar*

Kesediaan pelajar terhadap keusahawanan memainkan peranan yang amat penting bagi seseorang untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kesediaan pelajar terhadap keusahawanan dapat didefinisikan sebagai orientasi mental seperti keinginan, hasrat dan harapan dapat mempengaruhi pilihan keusahawanan seseorang (Peng, Lu & Kang, 2012). Ia disokong oleh kajian Ahmad Firdaus, Mohd Khatta, Dayana Farzeha (2014) bahawa Kesediaan pelajar terhadap keusahawanan menggambarkan keadaan fikiran yang mulukan orang ramai untuk memilih daripada bekerja sendiri dan bukannya memilih pekerjaan makan gaji. Oleh itu, dapat

disimpulkan bahawa Kesediaan pelajar terhadap keusahawanan adalah pemikiran dan keinginan seseorang dalam menceburi perniagaan sebagai kerjaya mereka.

Kajian Azmi, Nik Hairi dan Lee (2012) memperlihatkan potensi keusahawanan yang dimiliki oleh pelajar yang aktif dalam keusahawanan adalah tinggi. Kajian oleh Faridah (2001) juga mendapat pelajar yang terlibat dalam Program Usahawan Muda (PUM) mempunyai potensi untuk melibatkan diri dalam perniagaan dan keusahawanan. Peserta program usahawan ini cenderung memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pada masa hadapan hasil pendedahan awal mengenai keusahawanan. Namun, kajian Zaidatul Akmaliah et al. (2002) mendapat bahawa hanya 28.74 peratus orang pelajar yang dikaji ingin memilih usahawan sebagai kerjaya pilihan pada masa hadapan. Oleh itu, Fayolle et al. (2006) mencadangkan agar pihak yang bertanggungjawab membangunkan program keusahawanan dapat membangunkan potensi keusahawanan seperti bekerja sendiri, keperluan ekonomi yang mencukupi, mengadakan program yang berfokus kepada perniagaan kecil-kecilan dan berpotensi untuk bertahan dan dikembangkan. Pendidik yang terlibat dalam pendidikan keusahawanan perlu berperanan dalam membangunkan setiap minat, bakat, potensi dan kekuatan keusahawanan dalam diri pelajar agar terbuka minda mereka untuk memilih usahawan sebagai kerjaya dan mengusahakan perniagaan pada masa hadapan (Iklima Husna, Marry, Ahmad Shakani & Sharon, 2020).

### *Teori Pendifusian Rogers (2003)*

Menurut Rogers (2003), penerimaan seseorang individu terhadap inovasi/program yang diperkenalkan adalah tidak sama. Penerimaan terhadap inovasi/program banyak dipengaruhi oleh ciri-ciri peribadi serta latar belakang individu itu sendiri tentang sejauh mana bersedia untuk menerima inovasi/program. Menurut Rogers (2003), terdapat lima tahap penerima inovasi/program iaitu perintis (*innovators*) (2.5%), penerima awal (*early adopters*) (13.5%), penerima majoriti awal (*early majority*) (34%), penerima majoriti lewat (*late majority*) (34%) dan penerima lembab (*laggards*) (16%). Secara keseluruhannya, Teori Rogers (2003) membincangkan dengan mendalam bagaimana sesuatu yang baharu sama ada dalam bentuk idea, teknologi, barang atau teknik-teknik berkembang dalam berbagai-bagai khalayak sehingga diterima dan diamalkan sepenuhnya oleh masyarakat. Dalam konteks kajian ini, penerimaan pelajar program Pendidikan terhadap Keusahawanan adalah bergantung pada kesediaan pelajar untuk menerima dan menceburi bidang tersebut. Pengetahuan tentang Keusahawanan akan

memberi *input* yang bermakna kepada pelajar untuk mendalami bidang Keusahawanan dan mempengaruhi kesediaan pelajar.

## Metodologi Kajian

Pendekatan kajian kuantitatif dalam kajian ini adalah berbentuk korelasi. Reka bentuk kajian ini dipilih memandangkan matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara tahap Kesediaan Pelajar dengan Kursus Keusahawanan yang berupaya meningkatkan pemahaman pelajar tentang keusahawanan, merangsang minat dan meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan. Rasional pemilihan pendekatan kuantitatif adalah pendekatan ini melibatkan pengumpulan dan analisis data numerikal untuk mendapat celik akal bagaimana satu variabel mempengaruhi variabel lain (Wiersma, 2000). Sementara, kaedah kajian tinjauan pula didapati sesuai kerana kaedah ini dianggap salah satu cara untuk mengumpul maklumat untuk menjelaskan ciri-ciri pelbagai data.

Dalam kajian ini, kaedah tinjauan digunakan untuk mengkaji hubungan antara Pengetahuan Keusahawanan dan Kemahiran Keusahawanan dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Rasional penggunaan borang soal selidik adalah kerana ia tidak membabitkan kos yang tinggi dan masa yang panjang serta penggunaan borang soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran oleh sampel tanpa dipengaruhi oleh pengkaji.

Populasi kajian ini adalah seramai 148 orang pelajar Sarjana Muda Pendidikan, Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Teknik persampelan bertujuan digunakan untuk memilih sampel kajian. Kesemua populasi kajian dijadikan sebagai sampel dalam kajian ini.

Soal selidik kajian ini diadaptasi daripada Harris et al. (2007) dan Mohd Noor et al. (2006). Instrumen kajian ini mengandungi 70 item. Instrumen Pengetahuan Keusahawanan mempunyai nilai pekali *Cronbach alpha* 0.89 dan instrumen Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan mempunyai nilai pekali *Cronbach alpha* 0.91. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif, ujian-t sampel bebas dan korelasi.

## Dapatkan dan Perbincangan Kajian

**Jadual 1:** Jantina Responden Kajian

Jantina	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Lelaki	33	22.3
Perempuan	115	77.7
Keseluruhan	148	100

Dapatkan kajian ini (Jadual 1) menunjukkan bahawa majoriti responden kajian ini terdiri daripada pelajar perempuan iaitu 77.7% atau 115 orang.

## Perbezaan Kesediaan Pelajar Program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan berdasarkan Jantina

Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis ujian-t sampel bebas untuk mengkaji perbezaan Kesediaan Pelajar Program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan berdasarkan jantina iaitu pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

**Jadual 2:** Perbezaan Kesediaan Pelajar Program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan berdasarkan jantina

Variabel	L (Min)	P (Min)	Nilai t	Sig. t
Kesediaan Pelajar Program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan			3.29	3.65 .000

Sig. pada  $p < .05$

Berdasarkan ujian-t sampel bebas (Jadual 3), ujian Levene didapati tidak signifikan ( $p > 0.05$ ). Keputusan ini telah memenuhi andaian kehomogenan varians antara pelajar lelaki dan perempuan. Oleh itu, dapatan ujian-t sampel bebas diinterpretasi dengan menggunakan *Equal variance assumed*. Jadual 4.8 menunjukkan nilai t (146) = 3.65,  $p = 0.000$ , dengan itu mendapati bahawa terdapat perbezaan signifikan Kesediaan Pelajar Program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan kerana nilai  $p < 0.05$ .

## Hubungan antara Pengetahuan Keusahawanan dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan

**Jadual 3:** Hubungan antara Pengetahuan Keusahawanan dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan

Pembolehubah	Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan
Pengetahuan Keusahawanan	0.71**

Jadual 3 menunjukkan Variabel Pengetahuan Keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan ( $r= .71$ ,  $p=0.000$ ) dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan. Koefisien korelasi tersebut menunjukkan hubungan yang tinggi (Hall, 2004) dan positif wujud antara Pengetahuan Keusahawanan dan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan. Norazlina (2011) menyatakan bahawa tahap pengetahuan mempunyai hubungan yang langsung dengan penglibatan dalam program keusahawanan. Dapatkan ini selari dengan kajian oleh Mohammad Rezal, Narimah, Norshahrizan, dan Ku Amir (2009) yang turut mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap bidang keusahawanan akan menjadi penentu kepada kesediaan dan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan. Dengan itu, dapatkan ini menjelaskan bahawa peningkatan Pengetahuan Keusahawanan turut menyebabkan peningkatan dalam Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan.

## Implikasi Kajian

Pihak universiti perlu mengadakan pelbagai aktiviti untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang keusahawanan supaya dapat meningkatkan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan. Pengintegrasian kandungan keusahawanan merentas bidang, program atau kursus. Pihak pengurusan sentiasa bersedia demi memastikan pendidikan keusahawanan tersedia kepada semua pelajar. Terdapat infrastruktur untuk menyokong permulaan sesuatu perniagaan baru. Para pelajar di universiti ini digalakkan untuk meneruskan usaha keusahawanan mereka dengan tenaga pengajar yang diberikan ruang

menjalani latihan dan pembangunan kakitangan oleh universiti bagi tugas pengajaran keusahawanan.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan Pengetahuan Keusahawanan dalam kalangan pelajar dapat meningkatkan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan. Dengan itu, pelajar perlu diberi pendedahan kepada aspek Keusahawanan supaya dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dalam bidang Keusahawanan serta seterusnya bersedia menceburii bidang keusahawanan sama ada ketika masih belajar di universiti atau meneruskan budaya keusahawanan selepas menamatkan pengajian dengan menjadi *job creator*. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Kajian ini merupakan senario awal yang boleh dilihat oleh penyelidik dalam merangka usaha di peringkat universiti untuk melahirkan usahawan yang berjaya. Sebagai universiti yang memfokuskan kepada bidang pengurusan dan sebagai sebuah pusat pengajian yang berfokus kepada bidang Pendidikan untuk melahirkan pendidik apabila menamatkan pengajian adalah menjadi hasrat UUM untuk membangun dan mendidik bakal-bakal usahawan yang memfokus dan mempunyai ciri-ciri usahawan sejak dari mula pengajian.

Usaha yang lebih banyak perlu dilakukan untuk menarik minat pelajar dalam bidang ini. Pendekatan pendidikan boleh digunakan untuk mencapai hasrat tersebut. Memperkenalkan program keusahawanan dalam aktiviti pelajar sebagai pengganti atau pelengkap boleh dilaksanakan. Di samping itu, galakan yang berterusan kepada pelajar untuk menjalankan aktiviti keusahawanan di peringkat universiti akan menjadikan mereka lebih berkemahiran dan dapat mengaplikasikan teori yang mereka perolehi semasa kuliah dan semasa mengikuti mana-mana kursus keusahawanan yang dianjurkan.

## Perakuan

Merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Universiti Utara Malaysia atas pembiayaan geran penyelidikan serta pihak Pusat Pengajian Pendidikan kerana memberi sokongan dan kerjasama dalam menjalankan penyelidikan ini.

## Rujukan

- Ahmad Firdaus, A.H., Mohd. Khatta, J., & Dayana Farzeha, A. (2014). *Mengenalpasti kesan pendidikan keusahawanan pada pelajar kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia.*
- Armanurah, M. (2014). Penilaian pelaksanaan program siswaniaga Universiti Utara Malaysia. *Tesis PhD yang tidak diterbitkan.* Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Azmi, A. M., Nik Hairi, O., & Lee, K. Y. (2012). Faktor kritisikal kejayaan usahawan dalam perniagaan. *E-Bangi Journal of Human Sciences and Humanities*, 7(1), 34–45.
- Farhana, M. R. (2013). Pembudayaan keusahawanan ke arah mempengaruhi kecenderungan menceburii bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan di UTHM. *Tesis Master yang tidak diterbitkan.* Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.
- Faridah, H. (2001). Pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah: Kajian kes peserta program usahawan muda (PUM). *Tesis Sarjana Ekonomi*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fayolle A. E. et al. (2006). *International entrepreneurship education: Issues and newness.* Nothtampton. Edward Elgar Publishing.
- Global Entrepreneurship Monitor (GEM). (2013). *Global entrepreneurship monitor 2013 Global Report.* <https://www.gemconsortium.org/report/gem-2013-global-report>
- Hall, R. J. (2004). *Correlation coefficient estimator.* <http://bobhall.tamu.edu/Correlation/>.
- Harris, M. L., Gibson, S. G., & Taylor, S. R. (2007). Examining the impact of small business institute participation on entrepreneurial attitudes. *Journal of Small Business Strategy*, 18 (2), 57-75.
- Iklima Husna, A. R., Marry, T. P., Ahmad Shakani, A., & Sharon, T. P. S. (2020). *Persepsi pelajar terhadap pendidikan keusahawanan: kajian terhadap pelajar program keusahawanan.*
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2013). *Pelan strategik keusahawanan institusi pengajian tinggi: 2013-2015.* Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2016). *Pelan tindakan keusahawanan institusi pengajian tinggi: 2016-2020.* Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Mohammad Rezal, H., Narimah, I., Norshahrizan, N., & Ku Amir, K.D. (2009). *Tahap pengetahuan dan minat pelajar Universiti Malaysia Perlis terhadap bidang keusahawanan: satu tinjauan ke arah pembentukan teknousahawan.* [https://www.researchgate.net/publication/287277641\\_Tahap\\_Pengetahuan\\_dan\\_Minat\\_Pelajar\\_Universiti\\_Malaysia\\_Perlis\\_Terhadap\\_Bidang\\_Keusawanan\\_Satu\\_Tinjauan\\_ke\\_Arah\\_Pembentukan\\_Teknousahawan](https://www.researchgate.net/publication/287277641_Tahap_Pengetahuan_dan_Minat_Pelajar_Universiti_Malaysia_Perlis_Terhadap_Bidang_Keusawanan_Satu_Tinjauan_ke_Arah_Pembentukan_Teknousahawan)
- Mohd Noor, S., Jamal, A., & Badrudin, A.R. (2006). Pembangunan usahawan di sektor perikanan. *Laporan Akhir Projek Penyelidikan.* Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Malaysia Productivity Corporation (MPC). (2015). *A study on entrepreneurship education in higher learning institutions, Malaysia.* Malaysia Productivity Corporation, Kuala Lumpur.
- Norasmah, O., Nor Hafiza, O., Poo, B. T., & Rahmah, I. (2012). Impak globalisasi dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. *Prosiding Perkem VII*, 1, 435-445.
- Norashidah, H., Norasmah, O., & Noraishah, B. (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (1), 187-203.
- Norazlina, Y. (2011). Tahap pengetahuan terhadap pendidikan keusahawanan dalam kalangan usahawan di pertubuhan peladang kawasan Johor Bahru Timur. *Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan.* Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Nor Aishah, B. (2006). *Asas keusahawanan.* Shah alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Peng, Z. , Lu, G. & Kang, H. (2012). Entrepreneurial intentions and its influencing factors: A survey of the University Students in Xi'an China. *Creative Education*, 3, 95-100.

<https://www.scirp.org/journal/paperinformation.aspx?paperid=26768>

Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of innovations*. (5th Ed.). New York: The Free Press.

Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: an introduction* (7th Ed.). Boston: Allyn and Bacon.

Yeng Keat, O., Ahmad, S., Bakar, H., & Hashim, N. (2014). Entrepreneurship courses were made compulsory: An empirical study in Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 7(1), 29-40.  
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/view/2435>

Zaidatol Akmaliah, L. P., Abd. Rahim, B., & Mohd. Majid, K. (2002). Pelaksanaan pendidikan keusahawanan di Malaysia: Kesan terhadap aspirasi keusahawanan pelajar. *Pertanika Jurnal Social Science & Hum*, 10(1), 53-61.